

CNS3654
U GE 24-08 00198 BH283
baht 251000
Kemuncak - Bumi
oleh Juliana Omar
I

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Banyak reaksi yang timbul daripada anggota perwakilan yang menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Persediaan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi Persidangan Kemuncak Bumi terhadap kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Malaysia mungkin memulaukan persidangan itu.

Wakil Tetap Malaysia ke PBB Tan Sri Razali Ismail, berkata kenyataan itu juga menarik perhatian Sekretariat persidangan, yang merasakan masalah itu perlu dibincangkan di persidangan itu sendiri.

Bagaimanapun, kenyataan Perdana Menteri itu bukan keputusan muktamad, katanya kepada Bernama melalui telefon dari Geneva hari ini.

Tan Sri Razali, yang mengetuai rombongan lapan anggota ke mesyuarat persediaan ketiga, berkata kenyataan itu adalah keputusan taktikal yang baik kerana ia memberi kita peluang sama ada akan menghadiri persidangan itu atau tidak;--.

+Tidak guna pergi dengan tangan kita terikat di belakang jika tumpuan persidangan di Rio pada dasarnya mengenai isu alam sekitar, kata beliau. Persidangan itu akan diadakan di Rio de Janeiro, Brazil, Jun tahun depan.

Beliau berharap persidangan itu akan menjadi forum yang berjaya bagi perbincangan bukan sahaja mengenai isu alam sekitar tetapi juga memberi tumpuan khas kepada pembangunan.-- Lagi

♥25/08/10-01MST

CNS3655
U CC 24-08 00132 BH284
baht 251000
Kemuncak - Bumi 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata pada 16 Ogos bahawa tidak guna Malaysia menghadiri persidangan kemuncak itu jika pergerakan alam sekitar antarabangsa telah mengambil keputusan untuk menyisihkan Malaysia.

Beliau mengulas laporan yang mengatakan Malaysia telah dipilih sebagai sasaran pertama bagi kebencian dan histeria antarabangsa.

Tan Sri Razali berkata Malaysia menjadi sasaran kempen negatif anjuran beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Geneva kerana pendirian tegasnya dalam isu alam sekitar dan sikapnya yang tidak takut untuk menuduh negara-negara maju.

Beliau percaya kempen itu, satu usaha berterusan untuk memalukan Malaysia dan untuk menakutkan kita dan merugikan kita daripada segi ekonominya, mungkin berterusan di Rio.

Katanya kempen itu, bagaimanapun, bukan isu besar dan boleh dikawal tidak lama lagi.

Rombongan Malaysia mesti teguh dalam menghadapi kempen seperti itu dan terus berjuang dengan pendirian negara dan adalah penting ia disampaikan di Rio kerana banyak negara di Timur bergantung kepada Malaysia untuk mengenengahkan masalah itu, tambahnya.

+Kita beruntung kerana kita boleh menahan tekanan kerana kita mempunyai pimpinan yang sangat baik dan inovatif dan kedudukan yang berjaya, tambahnya.-- Lagi

♥25/08/10-01MST

CNS3656

U CB 24-08 00205 BH285

baht 251.000

Kemuncak - Bumi 3 Kuala Lumpur

Sebahagian daripada kempen i tu, membabitkan kegiatan membalak di Sarawak dan hak kaum Penant tetapi Tan Sri Razali berkata in buknn sebab untuk menyakitkan ha-ti Malaysia.

Katanya hanya peratusan kecil daripada lebih 200 NGO yang menghadiri mesyuarat itu terbabit dalam kempen i tu manakala yang lainnya menghargai peranan pro-aktif Malaysia, terutama mengenai isu sejarah yang ditimbulkan oleh Selatan terhadap Utara.

Selain daripada itu, perwakilan Malaysia juga banyak menerima sokongan daripada NGOnya sendiri yang menghadiri mesyuarat 'i tu', yang membantu member-i imej positif negara.

Tan Sri Razali berkata Selatan juga mempunyai kempen bagi menarik perhatian terhadap peranan utara kepada 'pencemaran dan kekurangan fahaman mereka terhadap negara membangun.

Katanya negara-negara Selatan mempunyai komitmen samaterhadap isu pembangunan seperti sumber kewangan dan pemindahan teknologi dari Utara.

Mengenai draf Piagam Bumi yang akan ditandatangani oleh semua ketua perwakilan pada persidangan kemuncak itu, Tan Sri Razali berkata perwakilan Malaysia telah menggunakan Perisytiharan Langkawi mengenai Alam Sekitar, yang diterima oleh ketua-ketua kerajaan Komawel di sini dua tahun lepas, sebagai asas kepada piagam itu.

Mesyuarat tiga minggu itu dijadualkan sehingga 4 Sept. Mesyuarat persediaan akan diadakan di New York, Mac depan. -- Bernama

♥25/08/10-02MST